PERIBAHASA

Baca senarai peribahasa yang terdapat dalam Tema 1 hingga Tema 8. Buku Teks Tingkatan 1

PERIBAHASA

Baca senarai peribahasa yang terdapat dalam Tema 1 hingga Tema 8, Buku Teks Tingkatan 1

TEMA	UNIT	HALAMAN	PERIBAHASA	MAKSUD	KD/PRPM
1	1	1	seumpama telur sesarang dierami induknya	Perihal anak-anak yang sama-sama berjaya kerana diberi layanan dan pemeliharaan yang saksama.	PRPM
	2	10	besar kepala	sombong atau bongkak	174
2	3	13	sudah terhantuk baru tengadah	sesudah terkena (mendapat kesusahan dan sebagainya) baru beringat-ingat	511
3	5	27	ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni	sepakat (seia sekata)	969
		27	bersatu kita teguh, bercerai kita roboh	apabila kita bersatu, kita menjadi kuat, apabila kita berpisah, kita menjadi lemah	
		27/49	di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	mematuhi peraturan dan lain-lain tempat yang didiami	220
		29	melentur buluh biarlah daripada rebungnya	mengajar seseorang hendaklah ketika ia masih muda, kalau sudah besar, tidak akan berhasil lagi	1300
		29/35/80	bagai/seperti aur dengan tebing	dikatakan mengenai orang yang suka bertolong-tolongan	90
	6	33	seperti katak di bawah tempurung	orang yang teramat picik pengetahuannya	686
		34	malang tak berbau	kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelum	986
		35	bagai enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing	tidak semuafakat dalam sesuatu perbincangan, hanya berpegang pada pendapat masing-masing sahaja.	392
4	7	37	hidup dikandung adat, mati dikandung tanah	waktu hidup hendaklah mengikut peraturan dan kebiasaan yang berlaku, setelah mati terserahlah kepada Tuhan	533
5	10	56	kerja tangan	hasil yang dibuat dengan tangan (seperti anyam-anyaman, pertukangan, dan sebagainya)	762
6	**Tidak ada peribahasa ditemukan dalam tema 6 dalam buku teks**				
7	13	73	tanam cempedak tumbuh nangka	apa-apa yang diperoleh lebih daripada apa-apa yang diharapkan	262
	13	80	ibarat pintu tak berpasak, perahu tak berkemudi	sesuatu yang membahayakan	1213
8	**Tidak ada peribahasa ditemukan dalam tema 6 dalam buku teks**				

NOTA: Tidak ada peribahasa ditemukan dalam tema 6 dan tema 8 dalam buku teks.
RUJUKAN:
KD = Kamus Dewan Edisi Keempat
PRPM = Pusat Rujukan Persuratan Melayu http://prpmv1.dbp.gov.my/

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN PERIBAHASA 3

Baca petikan di bawah dengan telitinya, kemudian senaraikan lima peribahasa yang berkaitan dengan maksud dalam petikan atau hampir-hampir sama dengan maksud yang cuba disampaikan dalam petikan.

Peristiwa 13 Mei 1969 yang berlaku di tanah air ini disebabkan oleh **sikap penduduk yang tidak bermuafakat dalam sesuatu perbincangan dan mereka hanya berpegang pada pendapat masing-masing sahaja**. Oleh hal yang demikian, **pertumpahan darah berlaku apabila penduduk berbilang bangsa dan agama berlawan sesama mereka dan sejarah hitam ini menyebabkan kematian dan kecederaan dalam kalangan penduduk yang tidak bersalah turut menjadi mangsa** Perdana Menteri pada waktu itu terpaksa mengambil pendekatan untuk membentuk dasar perpaduan dengan memperkenalkan Rukun Negara agar rakyat yang berbilang kaum **akan mematuhi peraturan di tanah air ini.** Mereka juga sedar bahawa apabila kita Bersatu, kita menjadi kuat apabila kita berpisah, kita menjadi lemah. Menyedari hakikat tersebut Perdana Menteri **tidak mahu rakyatnya sudah terkena dan mendapat kesusahan baru mahu beringat-ingat.** Rukun Negara yang masih relevan sehingga saat ini membuktikan **bahawa penduduk yang sepakat dan seia sekata akan dapat hidup aman damai.** Sebaliknya, penduduk yang ingin melakukan sesuatu yang membahayakan keselamatan negara perlu dikesan dan ditangkap oleh pihak berkuasa demi kesejahteraan semua.

No	Peribahasa
1	
2	
3	
4	
5	

LIVEWORKSHEETS